

# MAKLUMAN

PERTANDINGAN SEPANDUK, KONTINJEN TERAMAI & KONTINJEN TERBAIK SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL S.A.W. 1430H PERINGKAT NEGERI SABAH

TARIKH PERTANDINGAN :9 MAC 2009 ( ISNIN )

TEMPAT :PADANG MERDEKA, KOTA KINABALU & DEWAN SAADAH,WISMA MUIS

KATEGORI :-

- ❖ KEMENTERIAN / JABATAN KERAJAAN
- ❖ SWASTA ( Termasuk persatuan, pertubuhan sukarela, jawatankuasa masjid/surau, syarikat dan institusi pengajian tinggi )
- ❖ SEKOLAH ( 2 kategori; sekolah menengah dan sekolah rendah)
- ❖ KAMPUNG

TARIKH TUTUP PENYERTAAN :

27 FEBRUARI 2009 ( JUMAAT )

BORANG DAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN  
DISERTAKAN

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI :  
URUSETIA DI NOMBOR TEL: 222435 SAMBUNGAN 208/297/222.

URUSETIA PERTANDINGAN SEPANDUK, KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI 1430H

**SYARAT PERTANDINGAN  
SEPANDUK, KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI  
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW 1430H  
PERINGKAT NEGERI SABAH**

**1. FORMAT PERTANDINGAN**

- 1.1 Pertandingan adalah terbuka kepada masyarakat Islam di Sabah bagi mewakili Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Swasta, Syarikat Persatuan atau Pertubuhan Sukarela, Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta Kampung.
- 1.2 Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini hendaklah disertai oleh sekurang-kurangnya **50 orang ahli atau lebih**. Kumpulan yang tidak mencukupi **50** orang ahli adalah **tidak layak** untuk menyertai pertandingan kategori kontinjen terbaik. Walau bagaimanapun, kumpulan tersebut boleh menyertai pertandingan sepanduk tetapi dengan keahlian minimum **20** orang.
- 1.3 Kumpulan yang menghantar **lebih daripada 50 orang ahli** akan berpeluang untuk menerima hadiah bagi kategori **kontinjen teramai**
- 1.4 Setiap kumpulan hanya dibenarkan mempertandingkan satu (1) buah sepanduk sahaja.
- 1.5 Setiap kumpulan dimestikan menyediakan dan membawa papan tanda kumpulan masing-masing yang **berukuran 15cm lebar, 50cm panjang dan 1 meter tinggi**.
- 1.6 Setiap kumpulan yang menyertai pertandingan ini hendaklah mengisi **BORANG K-MAULUD: 01 - BORANG PENYERTAAN** Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Teramai

**2. SYARAT PERTANDINGAN**

**2.1. Penyertaan**

Pertandingan Sepanduk terbahagi kepada lima (5) kategori;

- **Kementerian/Jabatan Kerajaan**

Kementerian/Jabatan Kerajaan **termasuk** negeri dan persekutuan, jabatan negeri dan persekutuan, badan berkanun, agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan dan institusi pengajian tinggi awam, maktab dan maahad tahfiz

- **Swasta**

Swasta **termasuk** persatuan, pertubuhan sukarela, jawatankuasa masjid atau surau, syarikat dan institusi pengajian tinggi swasta.

- **Sekolah**

Kategori sekolah dibahagikan kepada dua ( 2 ) iaitu Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

i) *Sekolah Menengah* ; Bagi kategori ini ianya meliputi Sekolah Kerajaan atau Swasta.

ii) *Sekolah Rendah* ; Kategori ini pula meliputi Sekolah Kerajaan atau Swasta dan Tadika Kerajaan atau Swasta

- **Kampung**

Kategori kampung termasuk semua kampung di Negeri Sabah.

## 2.2 Sepanduk

2.2.1 Setiap sepanduk hendaklah menggunakan *ukuran 1 meter lebar, 4 meter panjang dan 4 meter tinggi (Tiang)*

2.2.2 Setiap sepanduk hendaklah menggunakan kain dan tanpa bingkai

2.2.3 Warna dan jenis kain adalah bebas.

2.2.4 Ayat Al-Quran atau hadis yang bertulis pada sepanduk hendaklah ditulis dengan tulisan tangan dan bukannya bercetak sementara terjemahannya dalam tulisan rumi.

2.2.5 Tema sambutan Maulidur Rasul SAW 1430H/2009M iaitu "**Wahdah Pemangkin Khaira Ummah**" hendaklah juga dimasukkan di dalam sepanduk.

2.2.6 Semua kontinjen tidak dibenarkan membawa sepanduk berlambangkan parti politik.

2.2.7 Sepanduk yang tidak memenuhi syarat tidak akan diadili

2.2.8 *Johan sepanduk* untuk semua kategori hendaklah diserahkan dan akan menjadi milik penganjur

### 2.3 Alamat & Tarikh Tutup Penyertaan

Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada urusetia pertandingan **sependuk, kontinjen terbaik & kontinjen teramai sambutan Maulidur rasul s.a.w, Bahagian Pentadbiran Wilayah & Daerah, JHEAINS Tingkat 10, Wisma MUIS, Kota Kinabalu** selewat-lewatnya pada **27 Februari 2009 (Jumaat)**

## 3. PENGHAKIMAN SEPANDUK

3.1 Penilaian pertandingan sependuk berdasarkan kepada aspek berikut:

- *Khat Arab* - 40 markah
- *Khat Rumi* - 20 markah
- *Bentuk/Keseluruhan* - 30 markah
- *Kesesuaian* - 10 markah

Waktu penilaian pertandingan sependuk akan dilaksanakan bermula pukul **6.30 pagi hingga pukul 7.30 pagi**. Kumpulan yang lewat hadir/tiba pada masa yang ditetapkan tidak akan diadili.

## 4. PENGHAKIMAN KONTINJEN TERBAIK

Penilaian pertandingan kontinjen terbaik adalah berdasarkan kepada aspek berikut:

- *Keanggotaan* - 30 markah
- *Kekemasan Pakaian* - 30 markah
- *Reaksi dalam Baris* - 15 markah
- *Cara Berjalan dan Keluar Baris* - 15 markah
- *Tertib & selawat* - 10 markah

Keputusan jemaah hakim adalah **MUKTAMAD**

## 5. HADIAH

Hadiah bagi **Pertandingan Sependuk, Kontinjen terbaik & teramai** bagi 5 kategori adalah seperti berikut;

<u>Perkara</u>	<u>Jumlah RM</u>
 <u>Sepanduk</u>	
: Johan (RM1,500.00 X 5 kategori)	: RM 7,500.00
: Naib Johan (RM1,200.00 X 5 kategori)	: RM 6,000.00
: Ketiga (RM900.00 x 5 kategori)	: RM 4,500.00
: Saguhati (RM500 x 5 x 5 kategori)	: RM 12,500.00
 <u>Kontinjen Terbaik</u>	
RM500.00 x 5 kategori	: RM 2,500.00
 <u>Kontinjen Teramai</u>	
RM500.00 x 5 kategori	: RM 2,500.00
 <b>JUMLAH</b>	 <b>RM 35,500.00</b>

Keputusan dan penyampaian hadiah pertandingan sepanduk akan diumumkan dan disampaikan pada **9 Mac 2009** (Isnin), di **Majlis Perhimpunan Maulidur Rasul saw** bertempat di **Dewan Saadah, Wisma MUIS Kota Kinabalu** (selepas perarakan)

#### **6. TARIKH, MASA & TEMPAT PERTANDINGAN & PERARAKAN**

- **Tarikh** : 9 Mac 2009 (Isnin)
- **Masa** : 6.30 pagi
- **Tempat Bermula** : Padang Merdeka Bandaraya K.K
- **Tempat Berakhir** : Dewan Saadah, Wisma MUIS, K.K

#### **7. TAKLIMAT PERARAKAN & PERTANDINGAN SERTA PENENTUAN NO.GILIRAN**

( dihadiri oleh ketua /kumpulan )

- **Tarikh** : 8 Mac 2008 ( Ahad )
- **Masa** : 9.00 pagi
- **Tempat** : Padang Merdeka Bandaraya Kota Kinabalu



Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Unit Urusetia & Perayaan Hari-hari Kebesaran Islam

Borang K-Maulud 01

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN  
SEPANDUK, KONTINJEN TERBAIK & TERAMAI**

Nama Kumpulan	
Alamat	
Nama Ketua Kumpulan	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon	
Bilangan Peserta/Ahli	

**Kategori Penyertaan**

Sila tandakan (  ) kategori penyertaan yang dipilih;

(  ) Kementerian/Jabatan (  ) Swasta (  ) Sekolah Rendah

(  ) Sekolah Menengah (  ) Kampung

**Pengakuan**

Saya bagi pihak \_\_\_\_\_ mengesahkan bahawa kami akan menyertai Pertandingan Sepanduk, Kontinjen Terbaik & Kontinjen Teramai sempena sambutan Maulidur Rasul saw peringkat negeri Sabah 1430H/2009M dan telah memahami syarat-syarat pertandingan yang ditetapkan oleh pihak penganjur/urusetia.

**Tandatangan Ketua Kumpulan**

\_\_\_\_\_  
Nama:  
No. Kad Pengenalan:

Tarikh: \_\_\_\_\_

AYAT-AYAT AL-QURAN  
UNTUK KEGUNAAN SEPANDUK

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ  
وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ  
يُنْفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya; (Al Syuura)

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا قَالُوا أَنَّى يَكُونُ لَهُ الْمُلْكُ عَلَيْنَا وَنَحْنُ أَحَقُّ بِالْمُلْكِ مِنْهُ وَلَمْ يُؤْتَ سَعَةً مِنَ الْمَالِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ وَاللَّهُ يُؤْتِي مَلَكَهُ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٧﴾

Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: "Bahwasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu. Mereka menjawab: "Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pula tidak diberi keluasan harta kekayaan?" Nabi mereka berkata: "Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakkannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". Dan (ingatlah), Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah Maha Luas (rahmatNya dan pengurniaanNya), lagi meliputi ilmuNya. (Al Baqarah)

لَكِن الرّٰسِخُوْنَ فِى الْعِلْمِ مِنْهُمْ  
وَالْمُؤْمِنُونَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا  
أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَالْمُهَيِّمِينَ الصَّلَاةَ  
وَالْمُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ أُولَٰئِكَ سَنُؤْتِيهِمْ أَجْرًا عَظِيمًا  
﴿١٦٢﴾

Tetapi orang-orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang-orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran), dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, - khususnya orang-orang yang mendirikan sembahyang, dan orang-orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar. (al Nisaa 162)

ثُمَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُخْرِبِهِمْ وَيَقُولُ أَيْنَ  
شُرَكَاءِي الَّذِينَ كُنْتُمْ تُشْتَقُونَ فِيهِمْ قَالَ  
الَّذِينَ أوتُوا الْعِلْمَ إِنَّ الْخِزْيَ الْيَوْمَ وَالسُّوءَ  
عَلَى الْكٰفِرِينَ ﴿٢٧﴾

Kemudian pada hari kiamat, Allah menghinakan mereka (dengan azab seksa) sambil bertanya: "Mana dia sekutu-sekutuKu yang kamu berperiperi memusuhi (Nabi-nabi dan orang-orang yang beriman) untuk membela mereka?" (Pada ketika itu) berkatalah orang-orang yang beroleh ilmu pengetahuan: "Sesungguhnya kehinaan hari ini dan azab seksa, adalah tertimpa kepada orang-orang yang kafir; (al Nahl 27)

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ  
 وَأُولُو الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ  
 الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

قُلْ ءَامِنُوا بِهِ أَوْ لَا تُؤْمِنُوا إِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا  
 الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهِ إِذَا يُتْلَى عَلَيْهِمْ يَخِرُّونَ  
 لَلَّذِقَانِ سُجَّدًا ﴿١٠٧﴾

Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (AL-Imran)

Katakanlah (wahai Muhammad kepada orang-orang yang ingkar itu): "Sama ada kamu beriman kepada Al-Quran atau kamu tiada beriman, (tidaklah menjadi hal); kerana sesungguhnya orang-orang yang diberi ilmu sebelum itu apabila dibacakan Al-Quran kepada mereka, mereka segera tunduk sujud (dalam keadaan hiba dan khusyuk); (al Isra' 107)

وَلْيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ  
 رَبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ  
 اللَّهَ لَهَادٍ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ  
 ﴿٥٤﴾

وَيَرَى الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ الَّذِي أُنزِلَ إِلَيْكَ  
 مِنْ رَبِّكَ هُوَ الْحَقُّ وَيَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ  
 الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿٦﴾

Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhiNya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus. (al Hajj 54)

Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan, mengetahui (dengan yakin, bahawa keterangan-keterangan) yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu (mengenai hari kiamat dan lain-lainnya) itulah yang benar serta yang memimpin ke jalan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji. (Saba' 6)

يَرْفَعُ اللَّهُ  
 الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ  
 دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ  
 أُوتُوا الْعِلْمَ وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا  
 الظَّالِمُونَ ﴿٤٩﴾

Al-Quran tetap datangnya dari Allah dengan tidak syak lagi) bahkan ia ayat-ayat keterangan yang jelas nyata, yang terpelihara di dalam dada orang-orang yang berilmu; dan tiadalah yang mengingkari ayat-ayat keterangan Kami melainkan orang-orang yang zalim. (al-Ankabut 49)

Supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan. (Al Mujadalah 11)

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا  
فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ  
لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾

Dan Dia lah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui. (al anaam 97)

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ  
وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا  
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
كَذَلِكَ نَفَصَّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakanNya?" Katakanlah: "Semuanya itu ialah (nikmat-nikmat) untuk orang-orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (nikmat-nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang-orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat". Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi orang-orang yang (mahu) mengetahui. (al Aaraaf 32)

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا  
وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ  
وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ  
يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya). (Yunus : 5)

كِتَابٌ فَصَّلْتُ ءَايَاتُهُ وَقُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ  
يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya. (Fussilat 3)

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهُوٌّ وَلَعِبٌ وَإِنَّ  
 الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا  
 يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kesenangan dan kemewahannya, jika dinilai dengan kehidupan akhirat) tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan; dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya; kalaulah mereka mengetahui (hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan hari akhirat).(al ankabut 64)

قُلْ هَلْ  
 يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ  
 إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

..."Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna. (al zumar 9)

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا  
 وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ  
 ﴿٢٨﴾

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).(saba' 28)